

CNS0297

R GB 21-01 00161 BA738

bah

Mahathir - Newsweek

KESTABILAN MALAYSIA, KEJAYAAN UTAMA SAYA: DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menganggap kestabilan Malaysia sebagai pencapaian besar beliau dalam masa 12 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Dalam satu temuramah dengan Newsweek International, beliau berkata rakyat Malaysia telah menjalani kehidupan dalam suasana harmoni walaupun ia negara pelbagai bahasa, pelbagai budaya dan pelbagai agama.

"Ini satu pencapaian yang besar. Apapun, cuba tengok di seluruh dunia hari ini, + kata beliau ketika ditanya mengenai kekecewaan dan kejayaan besar beliau setelah 12 tahun memegang jawatan itu.

Kandungan temuramah itu disiarkan dalam edisi ke-25 majalah tersebut dalam kedua-dua bahasa, Inggeris dan Jepun, sebagai sebahagian daripada bahagian khas setebal 40 muka bertajuk "Malaysia - Forward to 2020".

"Saya rasa saya telah katakan kekecewaan saya yang besar ialah rakyat tidak bekerja keras, sekeras mana yang saya mahu," kata beliau. -- Lagi.

▼21/01/18-53MST

CNS0333

R GB 21-01 00141 BA742

bah

Mahathir - Newsweek 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau jarang berfikir sangat mengenai perkara itu.

Mengenai lama mana beliau berhasrat memegang jawatan itu, Dr Mahathir berkata beliau akan terus memegang jawatan itu selagi beliau diperlukan dan akan berundur jika sebaliknya.

"Rakyat nampaknya suka dengan dasar-dasar saya. Daripada segi ekonomi, semuanya berjalan lancar. Selagi kita boleh jalankan dasar-dasar dengan jayanya, saya seharusnya masih boleh diterima."

Ketika ditanya sama ada beliau menerima gelaran "Suara Dunia Ketiga", Dr Mahathir berkata sungguhpun beliau telah meluahkan buah fikiran dan mempunyai pandangan-pandangan tegas, beliau tidak pernah berhasrat untuk mendapatkan sebarang kedudukan seperti itu.

Menurutnya beliau mengemukakan pendapat mengenai isu-isu yang beliau rasakan berat seperti perdagangan bebas dan alam sekitar dan menambah bahawa "ini semua terjadi secara semula jadi kepada saya". -- Lagi.

▼21/01/19-19MST

"

CNS0372

R GB 21-01 00178 BA746

bah

Mahathir - Newsweek 3 Kuala Lumpur

Dalam temuramah yang menyentuh beberapa perkara itu, Dr Mahathir juga telah diminta untuk menghuraikan perhubungannya dengan Amerika Syarikat dan beliau berkata keadaannya tidak seburuk yang disangka.

"Kami bercakap dengan terus terang. Kelihatan kami mempunyai perbezaan pendapat tetapi ia tidak seburuk yang disangka," kata beliau dan menambah beliau berharap hubungan Malaysia dengan Washington akan menjadi lebih erat seperti hubungan dengan Britain.

Sambil menyatakan beliau sentiasa berterus terang, Dr Mahathir berkata hubungan pada masa ini dengan Britain telah berkembang walaupun beliau telah memperkenalkan dasar "Buy British Last" ketika beliau mula memegang jawatan itu.

Kepada soalan sama ada beliau bimbang dengan tindakan China baru-baru ini untuk mencari gali minyak dan gas di Kepulauan Spratly, beliau berkata beliau yakin China dan mereka yang terlibat akan menyelesaikan tuntutan itu menerusi saluran diplomatik dan secara aman.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menganggap isu itu satu perkara yang membahayakan berdasarkan kepada kenyataan pemimpin China bahawa mereka bersedia untuk berunding dan "saya percaya cakap mereka". -- Lagi.

▼21/01/19-41MST

CNS0375

R GB 21-01 00141 BA747

bah

Mahathir - Newsweek 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kemungkinan aktiviti pelancongan ekologi menjejaskan alam sekitar, beliau berkata keadaan seperti itu tidak akan berlaku "jika kita uruskannya dengan betul dan lakukan perkara yang benar."

Pokoknya ialah untuk mengelakkan kemusnahan alam sekitar dan Malaysia telah mendapati melalui pengalaman memajukan industri pelancongan orang ramai mahu mempunyai hubungan dengan alam sekitar.

Dr Mahathir, yang juga ditanya mengenai garis pemisah antara alam sekitar dan pembangunan ekonomi, berkata apa yang penting ialah mewujudkan perseimbangan.

"Kita perlu mempunyai peraturan bagi menjamin bahawa alam sekitar tidak akan dimusnahkan dan pada masa yang sama kita perlu mengambil peluang daripada sumber-sumber semula jadi dengan secara yang efisien."

Sebagai contoh, beliau berkata rakyat adalah lebih penting daripada burung hantu, hakikat yang banyak kumpulan pencinta alam nampaknya terlupa. -- Bernama.

▼21/01/19-47MST